

Oleh Syfarida
Muhamad Zaki
bhvarsiti@bh.com.my

► Serdang

Serdang Angels kekalkan kejuaraan

Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang Angels muncul juara Kejohanan Ragbi Super 8 Institusi Pengajian Tinggi (IPT) baru-baru ini, sekali gus mempertahankan kejuaraan tahun lalu.

Dalam perlawanan akhir di Stadium UPM di sini, UPM Serdang Angels mudah menjinakkan MSP Hornets iaitu pasukan Majlis Sukan Politeknik Malaysia dengan

kutipan mata 53-0.

Pasukan juara itu memperagakan permainan kemas untuk mendahului 20-0 pada separuh masa, dan terus menggandakan asakan pada separuh masa kedua tanpa memberi ruang kepada MSP Hornets untuk melancarkan gerakan.

UPM Serdang Angels juga membolot hadiah pemain terbaik apabila Mohamad Nazreen Fitri Nasrudin dipilih pemain 'backs' terbaik, Muha-

mad Tajul Ariff Kadir pemain 'forwards' terbaik, dan Mohamad Syarif Saiful Azwan Sudin sebagai pemain

terbaik perlawanan akhir.

Jurulatih UPM Serdang Angels, Khairizal Ali Amat, berkata persefahaman mantap antara pemain senior dan baharu ketika menyerang dan bertahan menyumbang kepada kemenangan itu.

Piala pusingan

"Tahap permainan menunjukkan peningkatan ketara berbanding ketika mencatat kemenangan 34-17 pada peringkat kumpulan bertemu MSP Hornets," katanya.

Dengan kemenangan itu, UPM Serdang Angels menerima piala pusingan, piala iringan, wang tunai RM5,000 dan pingat.

MSP Hornets pula membawa pulang RM3,000 serta pingat, manakala Universiti

Teknologi MARA (UiTM) Lions yang menduduki tempat ketiga menerima RM1,500, pingat diikuti Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Bronco di tempat keempat yang menerima piala iringan.

Ketua Bahagian Sukan Kementerian Pendidikan Tinggi, Tony Azman Hassan, turut menyaksikan perlawanan akhir dan menyempurnakan upacara penyampaian hadiah.

Pada kejohanan sulung Ragbi Super 8 IPT tahun lalu, UPM Angels menewaskan IIUM Mustangs dari Universiti Islam Antarabangsa pada perlawanan akhir untuk bergelar juara.



Pasukan UPM Serdang Angels meraikan kejayaan **mempertahankan kejuaraan dalam Kejohanan Ragbi Super 8 IPT.**



Aksi pasukan UPM Serdang Angels dan MSP Hornets ketika berentap **dalam perlawanan akhir Kejohanan Ragbi Super 8 IPT di Stadium UPM, Serdang.**